

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

**IEK 204/3 – OPERASI UNIT II**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** daripada lima soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (a) Jelaskan dengan ringkas mengenai kaedah pemindahan haba konduksi.

(20 markah)

- (b) Satu paip nipis membawa stim (Jejari luar = 5 cm) ditebat dengan lapisan asbestos setebal 2 cm. Lapisan asbestos ditutup pula dengan lapisan gentian kaca setebal 4 cm.

- (i) Tentukan suhu antaramuka di antara penebat asbestos dengan gentian kaca.

- (ii) Kira kadar pemindahan haba setiap meter sepanjang paip.

$$k_{\text{asbestos}} = 0.2 \text{ W}/(\text{m} \cdot {}^\circ\text{C})$$

$$k_{\text{gentian kaca}} = 0.1 \text{ W}/(\text{m} \cdot {}^\circ\text{C})$$

$$\text{Suhu permukaan paip stim} = 400^\circ\text{C}$$

$$\text{Suhu permukaan luar lapisan gentian kaca} = 40^\circ\text{C}$$

(40 markah)

- (iii) Suatu tingkap kaca (luas  $0.6 \text{ m}^2$ ) terletak pada dinding kayu sebuah bilik. Dimensi dinding itu ialah  $2.5 \times 3.0 \text{ m}$ . Suhu di dalam bilik ialah  $300 \text{ K}$  sementara suhu udara di luar ialah  $260 \text{ K}$ . Koefisien pemindahan haba dalaman  $h_i$  ialah  $9 \text{ W}/(\text{m}^2\text{K})$  dan koefisien di luar  $h_o$  ialah  $10 \text{ W}/(\text{m}^2\text{K})$ .

Kira haba yang hilang melalui

bahagian dinding kayu (W) dan  
bahagian tingkap kaca (W)

... 3/-

Data: Kayu

$k = 0.15 \text{ W/(mK)}$   
tebal dinding kayu = 25.0 mm

Kaca

$k = 0.7 \text{ W/(mK)}$   
tebal kaca = 3.0 mm

(40 markah)

2. (a) Udara pada suhu  $20^\circ\text{C}$  dan tekanan  $14 \text{ kN/m}^2$  mengalir dengan halaju  $200 \text{ m/s}$  di atas suatu plat datar yang panjang  $L = 2 \text{ m}$ .

Plat itu dipanaskan dan ditetapkan pada suhu  $150^\circ\text{C}$ . Kira kadar pemindahan haba purata dari plat tersebut untuk seunit luas.

Data bagi udara:

$$\begin{aligned}k &= 0.03 \text{ W/(m }^\circ\text{C)} \\Pr &= 0.7 \\ \mu &= 2.11 \times 10^{-5} \text{ kg/(m.s)} \\ P &= 0.14 \text{ kg/m}^3.\end{aligned}$$

Formula-formula yang mungkin diperlukan

$$Nu_L = 0.664 Re_L^{1/2} Pr^{1/3} \text{ untuk } Re_L < 500,000$$

$$Nu_L = Pr^{1/3} (0.037 Re_L^{0.8} - 850) \text{ untuk } 500,000 < Re_L < 10^7$$

$$Nu_L = \frac{hL}{k}, Re_L = \frac{uL\rho}{\mu}$$

(50 markah)

... 4/-

- (b) Terbitkan satu ungkapan untuk taburan suhu  $T(x)$  bagi satu sistem dinding (tebal  $L$ , tanpa janaan haba dan berkeadaan mantap). Katakan suhu dinding pada  $x = 0$  ialah  $T_0$  dan didapati pada permukaan  $x = L$ , haba hilang melalui proses perolakan udara ke persekitaran yang bersuhu  $T_\infty$  dengan koefisien pemindahan habanya  $h$ . Andaikan kekonduksian haba dinding adalah malar.
- (50 markah)
3. (a) Kira luas permukaan pemanas bagi suatu penyejat yang beroperasi pada tekanan  $30 \text{ kN/m}^2$ . Penyejat itu memekat suapan  $2 \text{ kg/s}$  larutan NaOH dari 3% menurut berat menjadi 30%. Andaikan nilai  $U$  ialah  $2 \text{ kW/(m}^2\text{. K)}$  dan stim masuk pada suhu  $390 \text{ K}$ . Suhu didih air pada  $30 \text{ kN/m}^3$  ialah  $341 \text{ K}$ .

Data:

Tambahan takat didih larutan	= $30 \text{ K}$
Suhu suapan	= $291 \text{ K}$
Haba spesifik suapan	= $4.0 \text{ kJ/(kg K)}$
Haba spesifik hasilan	= $3.26 \text{ kJ/(kg K)}$
Entalpi stim pada $371 \text{ K}$	= $2672 \text{ kJ/kg}$
Haba pendam stim pada $371 \text{ K}$	= $2262 \text{ kJ/kg}$

(50 markah)

- (b) Suatu gelanggang luncur ais (ice skating rink) terletak di dalam sebuah pasaraya tertutup. Suhu udara persekitaran ialah  $20^\circ\text{C}$  dan suhu dinding ialah  $25^\circ\text{C}$ .

Pekali pemindahan haba perolakan di antara ais dengan udara ialah kira-kira  $15 \text{ W(m}^2\text{ }^\circ\text{C)}$ . Ini disebabkan oleh pergerakan udara dan pergerakan peluncur air.

...5/-

Emisitiviti ais ialah 0.95

- (i) Kira kadar pendinginan (dalam W) yang diperlukan untuk menetapkan suhu ais pada 0°C jika gelanggang itu berukuran 30 x 40 m.
- (ii) Anggarkan masa untuk tebal air menyusut 5 mm jika kuasa elektrik terputus dan gelanggang ais ditebat di bahagian bawah ais.

$$\sigma = 5.668 \times 10^{-8} \text{ pemalar Stefan Boltzmann}$$

$$H_{fg} = (\text{Haba pelakuran air}) = 3.348 \times 10^5 \text{ J/kg}$$

$$\rho \text{ ketumpatan ais} = 1000 \text{ kg/m}^3$$

(50 markah)

4. (a) Minyak mengalir masuk ke dalam alat penukar haba aliran songsang satu laluan. Kadar aliran minyak ialah 2 kg/s dan suhu masuknya 400 K. Minyak itu perlu disejukkan sehingga suhu menjadi 350 K. Air pada kadar 2 kg/s dan suhu 280 K digunakan untuk proses penyejukan.

Kira luas permukaan alat penukar haba jika koefisien keseluruhan pemindahan haba ialah 230 W/m<sup>2</sup>K.

Diberi

Haba spesifik air 4187 J/kg.K  
Haba spesifik minyak 1880 J/kg.K

(50 markah)

- (b) Satu gelung penyejuk (cooling coil) yang terdiri daripada suatu tiub panjang dipasang di dalam suatu reaktor. Isi reaktor akan ditetapkan pada suhu 360 K dengan menggunakan aliran air di dalam gelung. Suhu salur masuk dan salur keluar air penyejuk masing-masing ialah 280 K dan 320 K.

...6/-

Kira suhu salur keluar air sekiranya panjang tiub dijadikan 5 kali panjang asal?

Anggapkan koefisien keseluruhan pemindahan haba adalah malar sepanjang tiub dan tidak bersandarkan suhu air.

Diberi

Haba spesifik air = 4187 J/kg.K.

(50 markah)

5. Air pada kadar 4.0 kg/s dipanaskan dari suhu  $38^{\circ}\text{C}$  ke  $55^{\circ}\text{C}$  di dalam suatu alat penukar haba jenis petala-tiub. Di bahagian petala, air dalam satu laluan digunakan sebagai bendalir pemanas pada kadar 2 kg/s. Air pemanas masuk ke alat tersebut pada suhu  $90^{\circ}\text{C}$ . Koefisien keseluruhan pemindahan haba ialah  $1420 \text{ W/m}^2 \cdot ^{\circ}\text{C}$ . Halaju purata air dalam tiub (garis pusat 2 cm) ialah 0.4 m/s.

Disebabkan oleh ruang yang terhad, panjang tiub tidak boleh melebihi 2.44m maka kira

- (a) Bilangan laluan tiub
- (b) Bilangan tiub
- (c) Panjang tiub sebenar

Diberi

Haba spesifik air, 4187 J/kg.K. Ketumpatan air,  $1000 \text{ kg/m}^3$   
Faktor pembetulan, F, untuk dua laluan tiub ialah 0.88.

(100 markah)

-0000000 -